

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN HAJI HASBI BIN HAJI
HABIBOLLAH
[Limbang]**

TARIKH : 06.04.2015 (ISNIN)

NO. SOALAN : 13

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan bilakah projek Bekalan Air Luar
Bandar dari Simpang Ukong ke pekan kecil Nanga
Medamit akan bermula.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam RMKe-10 sebanyak RM1.95 billion telah diperuntukkan untuk pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM40.76 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan 20 projek di Parlimen Limbang yang telah dan sedang dilaksanakan.

Kementerian ini mengambil maklum tentang keperluan pelaksanaan projek BALB dari Simpang Ukong ke pekan kecil Nanga Medamit dan akan diselaraskan dengan cadangan senarai pelaksanaan projek BALB dalam RMKe-11. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada senarai keutamaan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan kelulusan pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri serta peruntukan yang disediakan Kerajaan.